

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

RHB Alpha Future

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil RHB Alpha Future. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Pelan ini merupakan Pelan Bayaran Terhad Endowmen Tanpa Penyertaan dalam Keuntungan dengan tempoh bayaran premium <Tempoh> -tahun yang mengandungi Alpha Future Basic (Komponen Insurans) dan Alpha Future Enhancer (Komponen Pelaburan). Kedua-dua komponen ini mesti berkuatkuasa bersama supaya polisi ini berkuatkuasa. Pelan ini menawarkan perlindungan insurans selama <Tempoh> tahun. Ia membayar manfaat sekaligus apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) semasa polisi ini berkuatkuasa. Polisi ini juga memberi Bayaran Tunai Terjamin tahunan bermula daripada akhir tahun polisi <Tempoh> .

Nilai dana adalah tidak terjamin dan bergantung kepada harga unit dana yang bergantung kepada prestasi dana pelaburan yang anda pilih. Terdapat enam dana sedia ada yang mempunyai objektif pelaburan dan profil risiko yang berbeza untuk pilihan anda.

(i) Dana TokioMarine-Enterprise

Bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur dalam saham berkualiti yang tersenarai dalam Bursa Malaysia dan bursa saham asing.

(ii) Dana TokioMarine-Bond

Bertujuan untuk membolehkan pengumpulan modal dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap yang berkualiti.

(iii) TokioMarine-Dana Ikhtiar

Bertujuan untuk memberikan gabungan yang seimbang bagi pendapatan dan modal yang berpotensi berkembang dengan melalui pelaburan dalam saham yang tersenarai dalam Bursa Malaysia atau bursa saham yang lain, saham tidak tersenarai dan sekuriti hutang Islam dan aset lain yang tidak memberi faedah yang boleh diterima di bawah prinsip Syariah. Namun, polisi Insurans Berkaitan Pelaburan bukan produk yang mematuhi prinsip Syariah.

(iv) Dana TokioMarine-Managed

Dana yang diuruskan secara aktif yang cuba untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang. Ini dapat dicapai dengan melabur dalam saham dan sekuriti pendapatan tetap melalui Dana TokioMarine-Enterprise dan Dana TokioMarine-Bond dan dalam dana Tokio Marine yang lain atau dana pihak ketiga yang mungkin ditawarkan pada masa hadapan.

(v) Dana TokioMarine-Orient

Bertujuan untuk mencapai peningkatan modal dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif tunggal yang melabur secara terpilih dalam sekuriti, seperti ekuiti dan bon yang berkaitan, sama ada yang disenarai atau akan disenarai dalam pasaran ekuiti Asia yang bukan dari Japan.

(vi) Dana TokioMarine-Luxury

Untuk melabur dalam Dana sasaran yang berpotensi mencapai peningkatan modal jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti dan ekuiti berkaitan sekuriti yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang menyediakan barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan dalam pasaran riadah, gaya hidup, dan mewah, atau skim pelaburan kolektif yang mempunyai tujuan pelaburan yang sama.

Polisi ini memberi opsyen Premium Tambahan seperti berikut:

Premium Tambahan Berkala

Satu opsyen semasa permulaan polisi yang membolehkan anda menentukan jumlah premium yang akan dibayar dengan kekerapan yang sama seperti premium asas untuk meningkatkan Nilai Dana Pelaburan anda.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Polisi ini menawarkan:

(i) Manfaat Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

- (a) 110% daripada jumlah premium Alpha Future Basic dibayar terkini; **kurang** jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang dibayar terkini **ATAU** Nilai Tunai, yang mana lebih tinggi; tambah
- (b) Bayaran Tunai Terjamin yang terkumpul (jika ada); tambah
- (c) Nilai dana (jika ada)[#]

(ii) Bayaran Tunai Terjamin (GCP)

Akhir Tahun Polisi	<Tempoh>	<Tempoh>	<Tempoh>	<Tempoh>
Peratusan daripada Jumlah Asas Yang Diinsuranskan	10.00%	15.00%	20.00%	25.00%

(iii) Manfaat Kematangan : Bayaran sekaligus dengan 75% daripada jumlah asas yang diinsuranskan tolak hutang yang perlu dibayar; tambah

- (a) Bayaran Tunai Terjamin yang terkumpul (jika ada); dan
- (b) Nilai dana (jika ada)[#]

Catatan:

- Manfaat HUMK akan dihentikan pada ulang tahun polisi di mana Orang yang Diinsuranskan telah mencapai umur 70 tahun atau tarikh kematangan, mana-mana yang lebih awal.
- Maksimum bayaran amaun bagi HUMK adalah tertakluk kepada RM8 juta bagi setiap hayat di bawah semua polisi individu.
- # Nilai dana ditentukan berdasarkan hari penilaian pada tarikh pemberitahuan.

Polisi ini juga dilampirkan dengan rider(-rider) ini:

Payor Benefit Rider

Rider ini mengetepikan pembayaran semua premium polisi asas dan rider, jika ada, mulai dari tarikh pembayaran premium seterusnya sehingga tamat tempoh pembayaran premium. Ia mengetepikan pembayaran semua premium jika pemilik polisi mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal sebelum umur 65 tahun, meninggal dunia atau didiagnos menghidapi mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi oleh rider ini.

Payor Shield Rider

Ini merupakan rider tanpa penyertaan dengan tempoh bayaran premium terhad selama <Tempoh> tahun yang akan membayar jumlah diinsuranskan secara sekali gus jika Pemilik Polisi meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dalam tempoh perlindungan rider.

Dana(-dana) yang dipilih:

Dana(-dana)	Peruntukan Dana (%)
<Dana yang dipilih>	<%>

Catatan: Sila merujuk kepada Ilustrasi Jualan yang merangkumi manfaat produk dan objektif dana(-dana) pelaburan. Ia adalah penting untuk anda memilih pelan atau gabungan dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar untuk pelan asas ialah:

Setiap Tahun	Setiap Setengah Tahun	Setiap Suku Tahun	Setiap Bulan
<Jumlah>	<Jumlah>	<Jumlah>	<Jumlah>

Tempoh pembayaran premium pelan asas: <Tempoh> tahun.

Catatan:

- Polisi ini menawarkan tempoh tangguh selama 30 hari, dengan memberikan anda tempoh tambahan selepas tarikh perlu bayar untuk membuat pembayaran premium.
- Kadar premium bagi polisi ini adalah terjamin.

95% daripada premium Alpha Future Enhancer akan diperuntukkan untuk membeli unit dalam dana(-dana) pelaburan yang anda pilih. Sebarang jumlah yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada wakil jualan dan perbelanjaan lain. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kadar peruntukan yang diberikan dalam Ringkasan Ilustrasi.

Premium untuk Alpha Future Basic dan Alpha Future Enhancer mesti dibayar serentak. Sebarang permintaan untuk pembatalan, penamatan atau perubahan ke atas polisi akan dikenakan ke atas Alpha Future Basic dan Alpha Future Enhancer.

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) - Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).

Caj Pengurusan Dana (% daripada nilai dana setiap tahun)

Dana-Dana	Maksimum (% setiap tahun daripada Nilai Aset Bersih Dana)	Semasa (% setiap tahun daripada Nilai Aset Bersih Dana)
Dana TokioMarine-Enterprise	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Bond	1.00	0.50
TokioMarine-Dana Ikhtiar	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Managed	1.50	1.20
Dana TokioMarine-Orient	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Luxury	1.50	1.50

Caj Pertukaran - Tidak dikenakan

- Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk komisen untuk Premium Asas dan Premium Alpha Future Enhancer**

Tahun Polisi	Premium Asas yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar		Premium Alpha Future Enhancer Yang Dibayar** (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
1	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
2	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
3	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
4	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
5	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
6	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
7	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
8	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
Jumlah	<Jumlah>		<Jumlah>	<Jumlah>		<Jumlah>

**Jumlah daripada Alpha Future Enhancer Premium dan Premium Tambahan Berkala Tahunan, jika ada.

Butiran-butiran mengenai semua yuran dan caj telah diberikan dalam Ringkasan Ilustrasi.

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan (jika ada) dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari setelah penghantaran polisi ini kepada anda. Premium Alpha Future Basic yang telah anda bayar, Premium Alpha Future Enhancer yang tidak diperuntukkan dan nilai dana, tolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung akan dibayar balik kepada anda.
- Nilai dana adalah tidak terjamin dan bergantung kepada prestasi dana-dana perlaburan yang dipilih.
- Notis Tuntutan: notis bertulis mesti diberi kepada kami dalam tempoh masa 60 hari daripada tarikh kematian dan 6 bulan daripada tarikh HUMK.
- Penggantian polisi - penggantian polisi anda dengan polisi yang baru mungkin tidak menguntungkan. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, anda dicadangkan untuk mendapatkan nasihat daripada wakil jualan / kami sebelum membuat keputusan muktamad.
- Alpha Future Basic dan Alpha Future Enhancer dalam RHB Alpha Future mestilah wujud bersama. Sebarang Penyerahan / Penamatan / Pengembalian semula terhadap mana-mana satu adalah tidak dibenarkan.
- Pengeluaran separa - Anda boleh membuat pengeluaran separa daripada nilai dana bermula daripada tahun polisi ketiga dan seterusnya.

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk polisi kontrak untuk terma-terma dan syarat-syarat bagi polisi ini.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Manfaat Kematian

Bunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian.

Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

- Cubaan untuk membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
- Kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- Kecederaan yang dialami semasa menyertai perlumbaan kelajuan yang membahayakan atau pertandingan ketahanan diri;
- Sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau sebagai anak kapal pesawat udara yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan antarabangsa dan dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang biasa dijadualkan);
- Pelayaran kapal selam;
- Perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
- Sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian;
- Peperangan sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas;
- 'Perlanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
- Keadaan sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian.

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli polisi hayat berpremium berkala merupakan satu komitmen kewangan berjangka panjang. Jika anda gagal untuk membayar premium dalam tempoh tangguh, polisi anda akan luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai. Jumlah nilai yang kami akan bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum polisi matang berkemungkinan akan kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mesti memaklumkan kami tentang sebarang perubahan alamat dan nombor telefon bagi memastikan anda menerima semua surat-menyerat tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Ground Floor, Menara Tokio Marine Life

189, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

Talian AM : 03-2059 6188

Faks : 03-2162 8068

Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999

E-mel : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

Sila tanya kami/ wakil jualan anda untuk pelan yang seumpama.

MAKLUMAT PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

ALPHA FUTURE ENHANCER TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET PELABURAN DAN BUKAN JENIS PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA DANA PELABURAN YANG DIPILIH DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN RISIKO, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. PULANGAN DARI DANA PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat 13/05/2025 .

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Payor Benefit Rider

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Payor Benefit Rider. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Rider ini menetapkan pembayaran semua premium polisi asas (termasuk premium tambahan, jika ada) dan premium rider, jika ada, mulai dari tarikh pembayaran premium seterusnya sehingga tamat tempoh pembayaran premium. Ia menetapkan pembayaran semua premium jika pemilik polisi mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal sebelum umur 65 tahun, meninggal dunia atau didiagnos menghadapi mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi oleh rider ini.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Rider ini melindungi:

- Kematian - menetapkan premium masa depan polisi (termasuk premium tambahan dan premium rider, jika ada) sehingga tamat tempoh rider;
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)* - menetapkan premium masa depan polisi (termasuk premium tambahan dan premium rider, jika ada) sehingga tamat tempoh rider; atau
- Penyakit Kritikal - menetapkan premium masa depan polisi (termasuk premium tambahan dan premium rider, jika ada) sehingga tamat tempoh rider.

*Catatan:

- Pemilik Polisi yang telah mencapai umur 65 tahun dan ke atas tidak akan dilindungi untuk Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.

Tempoh: Sehingga berlakunya kematian, TPD, penyakit kritikal pemilik polisi, penamatan polisi asas, pembatalan atau tamat tempoh rider ini, mengikut mana yang lebih awal.

Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah rider ini:

No.	Penyakit Kritikal	No.	Penyakit Kritikal
1.	Penyakit Alzheimer / Dementia Teruk	25.	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
2.	Sindrom Apallic (<i>iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan</i>)	26.	Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
3.	Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	27.	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
4.	Tumor Otak Benign - <i>keterukan tertentu</i>	28.	Hilang Keupayaan Bertutur
5.	Buta - Kekal dan Tidak boleh Pulih	29.	Trauma Kepala Major (teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
6.	Pembedahan Otak	30.	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
7.	Kanser - <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i>	31.	Penyakit Sistik Medular
8.	Kardiomiopati - <i>keterukan tertentu</i>	32.	Penyakit Neuron Motor - defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
9.	Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	33.	Sklerosis Multipel
10.	Hepatitis Autoimun Kronik	34.	Distrofi Otot
11.	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik	35.	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan
12.	Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	36.	Kelumpuhan Anggota
13.	Pembedahan Pintas Arteri Koronari	37.	Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
14.	Penyakit Creutzfeldt-Jakob	38.	Poliomielitis
15.	Pekak - Kekal dan Tidak boleh pulih	39.	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - <i>keterukan tertentu</i>
16.	Demam Hemorrhagic Ebola	40.	Skleroderma Progresif
17.	Elefantiasis	41.	Penyakit Arteri Koronari Serius
18.	Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	42.	Sindrom Eisenmenger Teruk

19.	Kegagalan Hati Tahap Akhir	43.	Strok/Angin Ahmar - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
20.	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	44.	Pembedahan Aorta
21.	AIDS Dengan Gejala Penuh	45.	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
22.	Hepatitis Viral Fulminan	46.	Penyakit Terminal
23.	Serangan Jantung - keterukan tertentu	47.	Kelecuran Tahap Ketiga - keterukan tertentu
24.	Pembedahan Injap Jantung		

Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk mendapatkan penerangan yang lanjut mengenai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini.

3. Berapakah premium * saya perlu bayar?

Premium rider yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan kami.

- Anggaran premium yang anda perlu bayar untuk rider ini:
 - RM <Jumlah> setiap tahun
 - RM <Jumlah> setiap setengah tahun
 - RM <Jumlah> setiap suku tahun
 - RM <Jumlah> setiap bulan

Tempoh pembayaran premium rider: tempoh rider ini <Tempoh> tahun atau sehingga kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal atau didiagnos sebarang penyakit kritikal oleh pemilik polisi.

***Sila rujuk muka surat 2 daripada ilustrasi jualan untuk anggaran jumlah premium (termasuk premium untuk pelan asas) yang perlu anda bayar.**

Catatan:

- Polisi ini memberikan tempoh tangguh 30 hari, di mana memberi anda masa tambahan selepas tarikh pembayaran premium untuk membayar premium.
- Kadar premium di atas adalah berasaskan risiko piawai sahaja. Satu nilai tambahan pada premium akan dikenakan pada risiko tidak piawai berdasarkan kajian dan kelulusan pengunderaitan.
- Kadar premium untuk Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal adalah dijamin namun kadar premium untuk manfaat penyakit kritikal adalah tidak dijamin selepas pembayaran premium tahun pertama.

4. Apakah fi dan bayaran yang saya perlu bayar?

Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).

- Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk komisen untuk Payor Benefit Rider berikut:

Tahun Polisi	Premium Rider yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
1	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
2	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
3	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
4	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
5	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
6	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
7	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
8	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
Jumlah	<Jumlah>		<Jumlah>

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan (jika ada) dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan rider dengan notis bertulis dan penghantaran balik dokumen rider kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari setelah penghantaran dokumen ini kepada anda. Premium yang telah anda bayar (tolak apa-apa fi perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik kepada anda.
- Premium - kami berhak untuk menyemak kadar premium untuk komponen Penyakit Kritikal yang tidak terjamin pada tarikh ulang tahun polisi dengan memaklumkan anda tentang keputusan kami itu sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh Ulang Tahun Polisi.
- Tempoh menunggu:- Kelayakan untuk manfaat-manfaat rider ini hanya akan bermula:
 - (i) 60 hari selepas Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada mana yang lebih kemudian, untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu), dan Penyakit Arteri Koronari Serius;
 - (ii) 30 hari selepas Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada mana yang lebih kemudian, untuk penyakit kritikal lain yang dilindungi.

Catatan: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Manfaat Kematian
 - Bunuh diri sama ada siuman atau tidak siuman dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider, yang mana lebih kemudian.
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
 - Cubaan untuk membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - Kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - Kecederaan yang dialami semasa menyertai perlumbaan kelajuan yang membahayakan atau pertandingan ketahanan diri;
 - Sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau sebagai anak kapal pesawat udara yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan antarabangsa dan dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang biasa dijadualkan);
 - pelayaran kapal selam;
 - Perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
 - Sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider, yang mana lebih kemudian;
 - Peperangan sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas;
 - Perlanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
 - Keadaan sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider, yang mana lebih kemudian.
- Penyakit Kritikal
 - sebarang penyakit atau pembedahan melainkan diagnosis atau pembedahan untuk Penyakit Kritikal yang dinyatakan;
 - tanda atau simptom Penyakit Kritikal yang ditakrifkan telah ditunjuk sebelum atau semasa Tempoh Menunggu;
 - Keadaan sedia ada yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider, yang mana lebih kemudian. Keadaan sedia ada bermaksud hilang upaya atau penyakit di mana Pemilik Polisi mempunyai pengetahuan yang wajar terhadapnya. Pemilik Polisi dianggap mempunyai pengetahuan yang wajar terhadap penyakit sedia ada jika:
 - (i) Pemilik Polisi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
 - (ii) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan;
 - (iii) simptom yang jelas dan tepat serta dapat dilihat dengan nyata; atau
 - (iv) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang sewajarnya dalam keadaan tertentu.
 - Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau jangkitan akibat Penyakit Virus Kurang Daya Manusia (HIV). Kami berhak untuk meminta Pemilik Polisi untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat sebelum menerima sebarang tuntutan. Pengecualian akan diberi kepada Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, atau AIDS Dengan Gejala Penuh, atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan;
 - kecacatan kongenital atau penyakit yang didiagnosis sebelum Pemilik Polisi mencapai umur tujuh belas (17) tahun;
 - kecederaan diri yang disengajakan;
 - pengaruh dadah atau alkohol;
 - Pemilik Polisi tidak bersetuju untuk menjalani rawatan atau menentang nasihat doktor pakar; atau
 - Pemilik Polisi tidak bertahan hidup sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas didiagnosis penyakit kritikal.

Catatan: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai pengecualian lengkap di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli polisi hayat merupakan komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, rider anda akan luput melainkan polisi hayat asas anda telah memperoleh nilai tunai dan masih berkuat kuasa dengan mengamalkan hak tidak lucut secara automatik.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Aras Bawah, Menara Tokio Marine Life

189, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

Talian AM : 03-2059 6188

Faks : 03-2162 8068

Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999

E-mel : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

Tiada.

MAKLUMAN PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini ditajajamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad. [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 20 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 13/05/2025.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Payor Shield Rider

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Payor Shield Rider. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Ini merupakan rider tanpa penyertaan dengan tempoh bayaran premium terhad selama <Tempoh> tahun yang akan membayar jumlah diinsuranskan secara sekali gus jika Pemilik Polisi meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dalam tempoh perlindungan rider.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Rider ini melindungi Pemilik Polisi:

- Manfaat Kematian - RM <Jumlah>; atau
- Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)* - RM <Jumlah>

*Catatan:

- Manfaat HUMK akan dihentikan pada ulang tahun polisi di mana Pemilik Polisi telah mencapai umur 70 tahun.
- Maksimum bayaran amaun bagi HUMK adalah tertakluk kepada RM8 juta bagi setiap hayat di bawah semua polisi individu.

Perlindungan rider ini akan tamat apabila berlakunya mana-mana berikut yang lebih awal:

- kematian Orang yang Diinsuranskan;
- kematian Pemilik Polisi;
- pembayaran amaun sepenuh bagi HUMK;
- kematangan pelan asas; atau
- penyerahan, pembatalan atau keluapan pelan asas atau rider ini.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium rider yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad (Syarikat / Kami).

- Anggaran premium yang anda perlu bayar untuk rider ini:
 - RM <Jumlah> setiap tahun
 - RM <Jumlah> setiap setengah tahun
 - RM <Jumlah> setiap suku tahun
 - RM <Jumlah> setiap bulan

Tempoh pembayaran premium rider ini: <Tempoh> tahun.

Catatan:

- Rider ini menawarkan tempoh tangguh selama 30 hari, dengan memberikan anda tempoh tambahan selepas tarikh perlu bayar untuk membuat pembayaran premium.
- Kadar premium bagi rider ini adalah terjamin.

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).

- Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk komisen untuk Payor Shield Rider berikut:

Tahun Polisi	Premium Rider yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
1	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
2	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
3	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
4	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
5	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
6	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
7	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
8	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
Jumlah	<Jumlah>		<Jumlah>

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- (a) Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan (jika ada) dan menyatakan umur anda dengan betul.
- (b) Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan rider ini dalam tempoh 15 hari setelah penghantaran polisi ini kepada anda. Atas pembatalan rider ini, premium rider yang telah anda bayar, tolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung (jika ada) akan dibayar balik kepada anda.
- (c) Notis Tuntutan: notis bertulis mesti diberi kepada Kami dalam tempoh masa 60 hari daripada tarikh kematian dan 6 bulan daripada tarikh HUMK.
- (d) Penggantian polisi - penggantian polisi anda dengan polisi yang baru mungkin tidak menguntungkan. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, anda dicadangkan untuk mendapatkan nasihat daripada wakil jualan / Kami sebelum membuat keputusan muktamad.

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk polisi kontrak untuk terma-terma dan syarat-syarat bagi polisi ini.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Manfaat tidak akan dibayarkan atas:

Manfaat Kematian

Bunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider, yang mana lebih kemudian.

Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

- (a) Cubaan untuk membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
- (b) Kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- (c) Kecederaan yang dialami semasa menyertai perlumbaan kelajuan yang membahayakan atau pertandingan ketahanan diri;
- (d) Sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau sebagai anak kapal pesawat udara yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan antarabangsa dan dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang biasa dijadualkan);
- (e) Pelayaran kapal selam;
- (f) Perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
- (g) Sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider, yang mana lebih kemudian;
- (h) Peperangan sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas;
- (i) Perlanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
- (j) Keadaan sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider, yang mana lebih kemudian.

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli polisi hayat berpremium berkala merupakan satu komitmen kewangan berjangka panjang. Jika anda gagal untuk membayar premium dalam tempoh tangguh, polisi anda akan luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai. Jumlah nilai yang Kami akan bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum polisi matang berkemungkinan akan kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mesti memaklumkan Kami tentang sebarang perubahan alamat dan nombor telefon bagi memastikan anda menerima semua surat-menyerut tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Aras Bawah, Menara Tokio Marine Life

189, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

Talian AM : 03-2059 6188

Faks : 03-2162 8068

Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999

E-mel : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

Sila tanya Kami / wakil jualan anda untuk pelan yang seumpama.

MAKLUMAT PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini ditajajamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad. [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 201 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 13/05/2025.